

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Pengenalan

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji jenis-jenis masalah yang dihadapi oleh 30 orang pelajar tahun satu yang mengambil kursus profesional LCCI di Institut Profesional Baitulmal. Tumpuan masalah yang dikaji telah dibahagikan kepada tiga bahagian umum iaitu masalah akademik, masalah peribadi dan masalah sosial. Setiap bahagian umum ini pula dibahagikan kepada tiga pecahan masalah yang lebih spesifik bagi memudahkan proses penganalisaan data dan untuk membuat rumusan.

5.1 Dapatan utama

Secara keseluruhannya, masalah dari aspek akademik menunjukkan peratusan tertinggi sering dihadapi oleh pelajar kajian ini, diikuti oleh masalah dari aspek peribadi dan ketiga masalah dari bidang sosial.

Di bawah aspek akademik, masalah utama yang sering dihadapi oleh kebanyakan pelajar-pelajar lelaki dan perempuan ialah masalah kesukaran memahami mata pelajaran yang diajar, masalah keraguan untuk mendapat pekerjaan pilihan sendiri di masa akan datang dan masalah sama ada hendak menyambung pelajaran lebih tinggi atau tidak. Bagi masalah paling kurang

dihadapi oleh pelajar kedua-dua jantina di bawah aspek akademik, ialah, masalah ketidakhadiran ke kelas. Dari segi perbezaan jantina, didapati lebih daripada separuh jumlah pelajar lelaki dalam kajian ini sering mengalami kesukaran memahami mata pelajaran dengan berkesan berbanding dengan pelajar perempuan. Pelajar lelaki juga lebih ramai yang merasa ragu untuk memutuskan sama ada hendak menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Di bawah aspek peribadi, masalah utama yang sering dihadapi oleh kebanyakan pelajar lelaki dan perempuan ialah, masalah ketiadaan perkara menarik yang hendak dibuat di masa lapang. Masalah keduanya ialah sukar melanjutkan sesuatu perbualan yang mana juga lebih dihadapi oleh pelajar lelaki. Kedua-dua masalah ini lebih dihadapi oleh pelajar lelaki mungkin kerana mereka merasa ketiadaan aktiviti menarik atau kurikulum luar kelas yang boleh dijalankan oleh mereka selain mengikuti kelas kuliah sepanjang hari. Masalah ketiga ialah tidak ada wang belanja yang mencukupi. Masalah paling kurang dihadapi pelajar kedua-dua jantina di bawah aspek peribadi ialah masalah terpengaruh oleh prasangka kaum dan agama dan masalah kematian dalam keluarga yang mengganggu fikiran.

Di dalam senarai jenis-jenis masalah berkaitan aspek sosial pula, masalah utama yang sering dihadapi oleh kebanyakan pelajar kedua-dua jantina ialah masalah sukar mengadakan pertemuan lain jantina dan masalah

sukar bergaul rapat dengan berlainan jantina. Kedua-dua masalah ini memberikan peratusan tertinggi yang sama bagi pelajar perempuan. Dari segi perbezaan jantina pula didapati pelajar lelaki melebihi pelajar perempuan di dalam menghadapi kedua-dua masalah ini. Di antara kesemua masalah-masalah yang tersenarai di bawah masalah sosial, masalah yang paling kurang dihadapi oleh kebanyakan pelajar-pelajar lelaki dan perempuan ialah kecewa dalam percintaan dan masalah mengasihi seseorang yang tidak menyintai diri pelajar itu. Kedua-dua masalah ini memberikan satu peratusan yang sama bagi pelajar perempuan yang tidak langsung menghadapi kedua-dua masalah ini. Ini menunjukkan pelajar-pelajar ini masih muda atau masih di peringkat awal untuk melibatkan diri dalam alam percintaan dengan serius. Dengan dapatan ini dapatlah disimpulkan percintaan bukanlah satu faktor utama yang menyebabkan penurunan pencapaian pelajar di institut ini.

Sebagai kesimpulan umum, jantina bukanlah merupakan satu garis pengukur bagi menentukan jenis masalah yang mereka hadapi baik dari aspek akademik, peribadi dan sosial. Tanggapan bahawa masalah seperti kecewa dalam percintaan dan terpengaruh dengan rakan sebaya yang selalunya dikaitkan lebih kepada pelajar perempuan tidak dapat diterima di dalam kajian ini kerana dapatannya menunjukkan bahawa peratus pelajar perempuan yang tidak langsung menghadapi kedua-dua masalah ini

melebihi peratus pelajar lelaki yang menghadapinya. Oleh yang demikian, satu rumusan dapat dibuat di sini iaitu, jenis-jenis masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ini tidak dipengaruhi oleh jantina mereka.

Walaubagaimanapun, penyelidik berharap kajian-kajian yang akan datang akan memfokuskan aspek jantina dan permasalahan pelajar dengan lebih menyeluruh kerana kajian yang dijalankan ini terbatas kepada sampel pelajar yang kecil .

5.2 Implikasi Kajian Dan Cadangan.

Dapatan kajian ini telah memberikan beberapa kesimpulan yang dapat hubungkaitkan dengan kajian-kajian yang lepas. Masalah utama pelajar-pelajar di dalam kajian ini ialah berkaitan dengan masalah akademik iaitu kesukaran memahami pelajaran dengan memuaskan. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan beberapa kajian yang telah terdahulu dijalankan, di antaranya Rohana (1974) yang menunjukkan bahawa pelajar-pelajar banyak menghadapi masalah masa depan dan kerja (masalah kerjaya), masalah di bidang pelajaran dan cara pengajaran (masalah pelajaran) dan masalah peribadi. Selain itu, kajian ini juga menyokong dapatan kajian Chiam (1978) yang menunjukkan kebanyakan pelajar menghadapi masalah penyesuaian terhadap kerja sekolah, kurikulum dan cara mengajar (masalah pelajaran) dan masalah peribadi.

Masalah yang berkaitan dengan akademik juga merupakan masalah utama dihadapi oleh kebanyakan pelajar-pelajar di Amerika Syarikat (Langgulung 1975). Mereka didapati sukar menyesuaikan diri dengan kerja atau tugas sekolah disamping terpaksa cuba untuk berjaya di dalam menjalani sistem peperiksaan yang kerap berubah. Penyelidik-penyalidik lain dari luar negara yang juga menunjukkan dapatan yang lebih kurang sama ialah Brand (1949), Morris (1954), Smith (1961), DeSena (1966), Cole and Hall (1970) dan Garrison (1975). Satu kesimpulan dapat dibuat di sini iaitu masalah akademik adalah merupakan masalah utama yang dihadapi oleh para pelajar remaja walaupun mereka berada pada waktu atau zaman yang berlainan dan juga berada di tempat yang berbeza.

Memandangkan masalah utama yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dalam kajian ini adalah kesukaran memahami matapelajaran dengan memuaskan, masalah ini perlu diberi perhatian khusus oleh semua pihak di bahagian akademik mahupun pentadbiran. Satu kajian perlu dijalankan untuk mencari punca-punca pelajar-pelajar ini menghadapi masalah tersebut. Di antara punca-punca yang menyebabkan mereka menghadapi masalah akademik ialah pengajaran dijalankan di dalam bahasa Inggeris samada melalui penerangan guru ataupun penggunaan buku teks. Selain dari itu, pelajar-pelajar ini juga mungkin masih baru di dalam mengukuti kursus profesional yang mana sukatan pelajarannya adalah berlainan dengan

sukatan pelajaran di sekolah. Minat juga memainkan peranan penting di sini di mana kebanyakkan pelajar-pelajar lelaki kajian ini mungkin tidak mempunyai minat di dalam matapelajaran yang diajar tetapi telah dipaksa mengambil matapelajaran yang tidak digemari. Ini menyebabkan mereka tidak dapat mengikuti pelajaran dengan sempurna.

Selain dari itu, pengajaran guru yang kurang berkesan juga mungkin menjadi punca kesukaran mereka memahami pelajaran tersebut. Di sini, faktor guru perlu diambil kira kerana guru tersebut bukan sahaja mengajar 30 orang pelajar ini tetapi keseluruhan pelajar yang lain di Institut ini. Jika penyampaiannya kurang berkesan, maka ini akan memberikan kesan kepada pencapaian menyeluruh pelajar-pelajar di sini.

Di dalam melihat masalah-masalah lain seperti ketiadaan perkara menarik yang hendak dibuat di masa lapang, pihak pentadbir perlu peka kepada kehendak pelajar-pelajar ini. Mereka tidak boleh ditekankan dengan urusan akademik semata-mata kerana ini akan membosankan kehidupan seharian mereka. Kesannya ialah mereka mungkin mula melibatkan diri dengan aktiviti luar yang tidak bersesuaian dengan kehendak institut ini. Di dalam cuba mengatasi masalah ini, pihak pentadbir, pendidik serta pihak pelajar perlu mengimbangi keperluan akademik dan juga keperluan sosial supaya dapat melahirkan para pelajar yang seimbang di dalam semua bidang.

Adalah menjadi harapan penulis dapatan kajian ini dapat memberikan satu gambaran tentang jenis-jenis masalah yang dihadapai oleh pelajar-pelajar di Institut ini. Memandangkan terdapatnya beberapa batasan-batasan tertentu, penyelidik berharap agar kajian-kajian yang akan datang memberikan satu penumpuan khusus kepada keseluruhan aspek masalah pelajar di tahun satu, dua dan tiga ataupun hanya memfokus kepada masalah akademik sahaja. Penyelidik berharap kajian yang dijalankan ini dapat dijadikan garis panduan kepada pihak pentadbir dan pengurusan untuk menyusun satu rancangan khusus atau menyediakan satu garis panduan untuk semua pelajar bagi mengatasi masalah yang bakal timbul atau masalah yang sedang dihadapi oleh pelajar-pelajar di Institut ini.

5.3 Kesimpulan .

Secara keseluruhannya, kajian ini telah menunjukkan jenis-jenis masalah yang sering dihadapi oleh pelajar-pelajar tahun satu kursus profesional LCCI di Institut Profesional Baitulmal. Perbandingan antara jantina pelajar yang menghadapi masalah-masalah yang disenaraikan juga dapat dilihat di dalam proses penganalisaan data. Sebagai rumusannya dapatan kajian ini telah menjawab soalan-soalan yang dikemukakan di dalam kajian ini.